

Orang Melayu diminta

~~NUM~~ 4 MAY 2002

KUALA LUMPUR 3 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu orang Melayu menghapuskan sekatan minda yang masih menjadi penghalang dalam menerima cara dan maklumat baru bagi membolehkan mereka terus bersaing dengan bangsa-bangsa lain dunia.

Tegas Perdana Menteri, permintaannya itu bukan bermakna tidak mahu orang Melayu mengekalkan kemelayuannya, sebaliknya bermattamat memudahkan mereka mendepani cabaran revolusi maklumat masa ini. Menurutnya, beliau perlu mengingatkan perkara itu kerana meskipun Melayu membuktikan

keupayaan dalam bidang tertentu, realitinya masih terlalu banyak sekatan minda sehingga ada kalangan mereka tidak dapat mengubah cara pemikiran.

Beliau menarik perhatian itu mengenai benteng tinggi yang masih menyekat orang Melayu untuk mengubah pendekatan menguasai sistem baru termasuk menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

“Tiada kelemahan otak di kalangan orang Melayu sebaliknya yang jadi sekatan ialah *mental block* iaitu budaya kita yang tidak berminat belajar lebih dan buat kerja lebih.

“Kalau sanggup tukar budaya kita,

bukan bermakna kita hilang identiti Melayu. Itu kita kekal tetapi kita harus menolak *mental block* serta terima apa yang baik bagi bangsa kita secara bersungguh-sungguh. Ketepikan budaya yang menyekat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Kebudayaan ICT dan Pelancaran IT anjuran Pergerakan Pemuda UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Lebih 1,000 hadirin daripada kalangan ahli Pergerakan Pemuda UMNO dan pelajar menghadiri seminar bertemakan “Menghadapi Cabaran

hapuskan sekatan minda

K-Ekonomi-Peranan Generasi Muda Ke Arah Pembudayaan ICT” itu.

Hadir sama ialah Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishamuddin Tun Hussein dan Pengerusi Biro IT pergerakan itu, Mohamad Norza Zakaria.

Menurut Perdana Menteri, orang Melayu khususnya pemimpin muda tidak harus mempunyai pemikiran kononnya mereka tidak boleh menguasai sesuatu ilmu berbanding bangsa lain.

Sebaliknya, tegas beliau, mereka berupaya berbuat demikian sambil memberi contoh seorang kanak-kanak yang tidak mempunyai sekatan

an minda dengan menerima apa sahaja maklumat di sekelilingnya.

“Dalam diri kanak-kanak ini, tidak ada maklumat terdahulu yang menyekat penerapan maklumat yang baru. Apa yang dirasai oleh mereka seolah-olah baru berlaku dan tidak teragak-agak mencuba,” katanya.

Dalam hubungan ini, beliau mengingatkan, kemahiran menggunakan Internet yang di dalamnya mengandungi pelbagai pengetahuan manusia termasuk Library of Congress.

“Hakikatnya, sistem perkakasan ini bukan satu lembaran baru bagi kita dan penguasaan ilmu ini bermakna kita menguasai ilmu serentak

tanpa ketinggalan dengan orang lain,” katanya.

Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa orang Melayu belum boleh berbangga lagi dengan tahap sumbangannya ke arah kemajuan.

Ini kerana kejayaan orang Melayu dalam pentadbiran negara disebabkan mereka tidak berebut-rebut dengan kaum lain malah sanggup mengamalkan perkongsian kuasa.

“Ini memang kebolehan kita orang Melayu tetapi apakah kita tidak ada kemajuan dalam bidang lain? Tuhan jadikan kita manusia dan kalau buat kerja berulang-ulang kali, nescaya kita akan menjadi pakar dan cekap,” katanya.